

Pembangunan Logik di India dan Keberadaannya di Alam Melayu

Oleh : Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir

PPFPM

24/2//2019

1. Pengenalan

Kajian yang sebenarnya menarik perhatian kami adalah tentang kemasukkan konsep-konsep nyaya Hindu-Buddha, mantik Islam dan logik Eropah-Barat ke Alam Melayu. Semua ini boleh diteliti dengan menyemak kembali teks-teks nyaya yang masuk menerusi ajaran Hindu-Buddha dari India ke Alam Melayu; teks-teks mantik ajaran Islam dari Timur Tengah, Asia Tengah dan India ke Alam Melayu, dan teks-teks logik ajaran Yahudi, Kristian dan Moden dari Eropah/Barat ke Alam Melayu. Teks-teks nyaya Hindu masih boleh dikesan wujud di Jawa dan Bali, namun dalam keadaan yang hampir musnah. Teks-teks nyaya Buddha masih kekal dalam bentuk terjemahan di Tibet, Jepun, China, Korea dan Vietnam. Usaha mencari versi Kunlun (Bahasa Melayu Kuno) masih diteruskan dengan sukar. Teks-teks mantik Islam masih banyak berselerak di surau-surau, mesjid-mesjid, perpustakaan-perpustakaan istana, perpustakaan-perpustakaan utama di Alam Melayu dan seluruh dunia. Belum ada yang tampil mengumpulkannya dan mengkajinya. Teks-teks logik Yahudi-Kristian dan Eropah/Barat Moden memang masih wujud diperpustakaan-perpustakaan universiti-universiti seluruh Alam Melayu, contohnya yang awal di Universitas Santo Tomas, Manila, yang dibina pada 1611, atau di Perpustakaan Kolonial Perancis di Perpustakaan Nasional, Phnom Penh, Kemboja yang dibina sekitar 1800. Namun, yang lebih utama daripada tiga tradisi ini adalah persoalan, apakah Bangsa Melayu ini memiliki tradisi logik atau cara berfikirnya sendiri, yang telah dituliskan? Kini, ada satu istilah mengenainya yang digunapakai di Indonesia, iaitu nalar. Kami juga menemui suatu istilah kuno yang digunapakai di Tanah Mon (kini Myanmar) bagi mewakili bidang ini, iaitu damnah, namun belum kali teliti lanjut.. Juga satu istilah yang baru ditemui oleh Prof Shahrir untuk tradisi Campa, iaitu dahi. Sebahagian daripada usaha kajian diatas adalah menghimpunkan teks-teks nyaya (dan diperluaskan kepada seluruh bidang) Hindu dan Buddha yang masuk ke Alam Melayu dari India. Beberapa sarjana yang terlibat mengusahakannya adalah Mandrasena (kurun ke-6M), Samghapala (kurun ke-6M), Paramartha (kurun ke-6M), Sakyakirti (kurun ke-7M), I-Tsing (kurun ke-8M), Dharmakirti Suvarnabhumi (kurun ke-11M) dan Atisa (kurun ke-11M). Tiga yang pertama bertugas sebagai ilmuwan dan penerjemah di Funan dan China. Sakyakirti adalah guru I-Tsing di Sriwijaya, I-Tsing bertugas sebagai ilmuwan dan penerjemah di Sriwijaya dan China. Dharmakirti Suvarnabhumi bertugas sebagai ilmuwan dan penerjemah di Sriwijaya. Manakala Atisa bertugas sebagai ilmuwan dan penerjemah di India, Sriwijaya dan Tibet. Berdasarkan mereka bertujuh ini, kami berusaha membangun semula apakah yang dimaksudkan sebagai teks-teks Hindu dan Buddha di Alam Melayu. Masalah utama kajian ini adalah, bagaimanakah boleh ditelaah teks-teks yang seluruhnya berbahasa Mandarin? Juga, dimanakah boleh didapat versi Kunlunnya? Berdasarkan teks-teks ini, kami mengetahui bahawa karya-karya Dignaga memang dibawa masuk ke Funan dan Sriwijaya, malah diterjemahkan ke bahasa

Mandarin oleh Paramartha dan I-Tsing. Dignaga (400M) adalah seorang ahli nyaya tersohor beragama Buddha. Pengikutnya yang jauh lebih terkenal adalah Dharmakirti (550M), namun karya-karyanya tidak kedapatan dikesan di Alam Melayu. Kami akan memperhalusi semula semua maklumat ini dan membahaskannya dalam beberapa bahagian seterusnya. Namun, sebelum itu, kami berikan dahulu ringkasan Aliran-Aliran Falsafah di India yang dinukilkan oleh sarjana-sarjana Hindu dan Buddha.

- (i). Keabadianisme : Semua benda wujud
- (ii). Kebinasaanisme : Semua benda binasa
- (iii). Ketentuanisme : Semua benda sudah ditentukan sebelumnya
- (iv). Kesemulajadianisme : Semua benda wujud/jadi dengan sendirinya tanpa penyebab
- (v). Keperibadianisme : Semua yang berlaku disebabkan oleh perangai/perilaku sesuatu benda
- (vi). Takdirisme : Semua yang berlaku disebabkan oleh tindakan sesuatu yang sacral
- (vii). Kehendakisme : Semua yang berlaku berandaskan kepada kehendak/keinginan/kemahuan
- (viii). Kepertapaanisme : Semua matlamat boleh dicapai dengan penumpuan fikiran dan pertapaan.

Dalam semua aliran falsafah inilah bidang nyaya/logik dibina. Sehingga kini, masihlah tidak putus diperdebatkan adakah Logik Greek mempengaruhi Logik India, atau Logik India membangun dengan sendirinya. Kajian-kajian terakhir menunjukkan bahawa Logik India itu bermula dan berkembang jauh lebih awal dari Logik Greek. Kami mahu berikan beberapa ringkasan utama perkembangannya.

2. Logik dalam Pasca-Veda

- (i). A adalah B
- (ii). A tidak boleh kedua-dua B dan bukan-B
- (iii). A adalah samada B atau bukan-B
- (iv). A bukanlah B dan bukanlah bukan-B

3. Logik dalam Kathavartha

3.1. Perdebatan dibahagikan kepada dua, iaitu primer dan sekunder. Perdebatan primer pula dibahagikan kepada 4 pasang, yang setiap pasang ini disusun dalam bentuk A adalah B, atau A bukanlah B. Untuk setiap susunan ini, kemudiannya ada 5 perbahasan dikenakan, iaitu pengembangan, perencatan, pertikaian, penggunaan dan kesimpulan. Perdebatan sekunder juga mengikut susunan ini. Cuma sebagai tambahan, dalam bahagian-bahagian tertentu, kuantifikasi “dimana-mana”, “selalu” dan “dalam semuanya” dimasukkan.

3.2. Empat jenis hubungan

- (i). Terkandung : Sesuatu berada dalam sesuatu yang lain,
- (ii). Terpisah langsung : Sesuatu terpisah langsung dengan sesuatu yang lain,
- (iii). Sesuatu berada penuh dalam sesuatu yang lain,
- (iv). Sesuatu tidak terpisah dengan sesuatu yang lain.

4. Logik dalam Vijnanakaya

Terbahagi kepada 5 bahagian, iaitu :

- (i). Dua kenyataan yang kedua-duanya benar, atau kedua-duanya palsu,
- (ii). Penerimaan kepada kenyataan pertama mengimplikasikan penerimaan kepada kenyataan kedua,
- (iii). Adalah salah menerima suatu kenyataan tanpa menerima yang satu lagi.
- (iv). Penolakan kepada kenyataan kedua mengimplikasikan penolakan kepada kenyataan pertama,
- (v). Menerima suatu kenyataan tanpa menerima yang satu lagi, adalah salah.

5. Logik dalam Badrabahu

Perbincangan logiknya merangkumi 10 bahagian iaitu usulan, hujung-pangkal usulan, taakulan, hujung-pangkal taakulan, hujah penyangkal/penolak, pelengkap bagi hujah penyangkal, contoh, keraguan, pelengkap bagi keraguan dan kesimpulan. Ada pula pandangan terkemudian mengatakan bahawa 10 bahagian itu adalah pertanyaan, keraguan, percaya kepada kemungkinan penyelesaian, matlamat, menghapus keraguan, usulan, taakulan, contoh terpencil, penggunaan dan kesimpulan.

6. Logik dalam Yamaka

- (i). Adakah semua A itu B?
- (ii). Adakah semua B itu A?

7. Logik dalam Cakara Samhita (kurun pertama/kedua Masihi)

Pembuktian terbahagi kepada 5, iaitu usulan, taakulan, contoh, penggunaan dan kesimpulan. Sumber pengetahuan terbahagi kepada 4, iaitu tanggapan, ujaran, tradisi budaya dan bandingan.

8. Logik dalam Upayahrdaya (kurun pertama/kedua Masihi)

10 istilah logik, iaitu contoh, teori, pengucapan baik (retorik?), kecacatan hujah, ujaran, kenyataan tepat, taakulan palsu, setuju kepada hujah palsu, titik kalah hujah dan sangkalan.

9. Logik dalam Vaisesika Sutra

Membahas 6 istilah logik, iaitu intipati, penyebab, tindakan, jagat, khusus dan kualiti.

10. Logik dalam Nyaya Sutra

- (i). Pramana=Cara mendapatkan pengetahuan yang sah.
- (ii). Prameya=Benda-benda yang menghasilkan pengetahuan.
- (iii). Samsaya/Vimarsa=Sangsi/ragu disebabkan memiliki sedikit pengetahuan tentang sesuatu.
- (iv). Prayojana=Empat dorongan/tujuan (dharma, artha, kama dan moksa) kepada seseorang untuk melakukan sesuatu kerja bagi mendapatkan sesuatu spt kebahagiaan atau menghindari sesuatu spt kesakitan.
- (v). Drstanta=Kefahaman tentang contoh yang tidak berbeza dikalangan ilmuwan dan awam.
- (vi). Siddhanta=Kefahaman terhadap wujud benda.

- (vii). Avayasa=Teori bukti yang terpecah kepada lima usulan iaitu pratijna=andaian, hetu=taakulan, udaharana=contoh, upayana=guna dan nigamana=kesimpulan
- (viii). Tarka=Taakulan
- (ix). Nirnaya=Kaedah membuat keputusan menerusi paksa=tesis dan pratipaksa=anti-tesis
- (x). Vada=Bentuk perdebatan yang bukan bermatlamatkan mencari kemenangan tetapi untuk mencari kebenaran.
- (xi). Jalpa=Bentuk perdebatan untuk mencari kemenangan.
- (xii). Vitanda=Bentuk perdebatan yang hanya bertujuan mematahkan hujah pihak lawan, tetapi tidak membentuk hujah sendiri.
- (xiii). Hetvabhāsa=Pseudo-hujah.
- (xiv). Chala=Hujah bertujuan untuk mengalahkan hujah pihak lawan.
- (xv). Jati=Memahami kesamaan atau ketaksamaan hujah lawan.
- (xvi). Nigraha-sthana=Titik kekalahan perdebatan.

11. Logik dalam Vaidalya Sutra & Vaidalya Prakarana : Kritikan Terhadap Nyaya Sutra

- (i). Kritikan terhadap Pramana dan Prameya : Kedua-dua konsep ini saling bergantung dan tidak boleh berdiri sendiri.
- (ii). Kritikan terhadap Pramana mentakrifkan segalanya : Apakah yang mentakrifkan Pramana?
- (iii). Kritikan terhadap Pramana dan Prameya yang berlandaskan telah, kini dan kelak : Manakah yang dahulu, benda yang dicerap atau cerapan terhadap benda?
- (iv). Kritikan terhadap benda : Tiadanya benda adalah suatu konsep
- (v). Kritikan terhadap hubungan Pramana dan Prameya : Kewujudan benda tidak boleh mengimplicasikan kefahaman manusia terhadap benda.
- (vi). Kritikan terhadap Samsaya/Vimarsa : Keraguan tidakpun wujud dalam 3 keadaan yang memungkinnya wujud
- (vi). Kritikan terhadap Prayojana : Empat dorongan/tujuan itu tidak wujud
- (vii). Kritikan terhadap drstanta : Anta(akhir) hanya wujud jika ada awal dan tengah, tapi awal dan tengah tak wujud, maka akhir juga tak wujud
- (viii). Kritikan terhadap siddhanta : Anta(akhir) hanya wujud jika ada awal dan tengah, tapi awal dan tengah tak wujud, maka akhir juga tak wujud
- (ix). Kritikan terhadap Avayava : Lima usulan ini tidak wujud secara menyeluruh
- (x). Kritikan terhadap Pratijna, Hetu, Udaharana, Upayana & Nigamana
- (xi). Kritikan terhadap Tarka : Taakulan tidak boleh menyampaikan maksud sebenar benda & taakulan gagal bila benda tiada
- (xii). Kritikan terhadap Nirnaya : Keputusan gagal dibuat sebab tiada kefahaman sebenar terhadap benda
- (xiii). Kritikan terhadap Vada : Perdebatan gagal bilamana benda dan nama benda tidak diketahui kewujudannya
- (xiv). Kritikan terhadap Jalpa : (Hujah sama spt diatas)
- (xv). Kritikan terhadap Vitanda : (Hujah sama seperti diatas)

- (xvi). Kritikan terhadap Hetvabhāsa : Tidak boleh dijelaskan sebab hujah sebenarnya kelihatan palsu. Terbahagi kepada 4 dibawah.
- (xvii). Kritikan terhadap Sa-vyābhicāra (tiada kesimpulan)
- (xviii). Kritikan terhadap Viruddha (taakulan yang bertentangan)
- (xix). Kritikan terhadap Prakāraṇa-sāma (taakulan setara)
- (xx). Kritikan terhadap Sadhya-sāma (kenyataan setara)
- (xxi). Kritikan terhadap Kalatita (taakulan salah-konteks masa)
- (xxii). Kritikan terhadap Chāla : Dialog tidak wujud sebab tiada kesefahaman terhadap makna perkataan
- (xxiii). Kritikan terhadap Jāti : Tidak pernah wujud kesamaan ini
- (xxiv). Kritikan terhadap Nigraha-sthāna : Tidak pernah wujud

12. Teks Logik Buddha di Funan

Maklumat terawal berkenaan kemasukan teks-teks nyaya/logik dari India ke Alam Melayu sebenarnya dibentangkan daripada analisis kami terhadap tiga sarjana Funan yang bekerja sebagai penerjemah di China, iaitu Mandrasena, Samghapala dan Paramartha. Namun, bersebabkan analisis yang kami lakukan ini hanyalah sampai ke tahap mendapatkan senarai teks-teks Buddha yang masuk ke China menerusi Funan melalui tiga sarjana tadi, dan sebagai tambahan hanyalah mendapatkan salinan beberapa teks berkenaan daripada koleksi Jepun (TSD), makanya tidaklah banyak yang kami boleh perkatakan disini. Begitupun, amatlah menarik dibawakan kepada permerhatian semua bahawa beberapa teks nyaya Dignaga turut sama disenaraikan sebagai dibawa dari Funan ke China, dan tersimpan di Jepun dalam bentuk terjemahan. Berikut senarainya :

1. Dignana. ?. *Alambanapariksa*. Paramartha (terj.). 546. *Wu Hsiang Ssu Shen Lun*. (TSD1619)
2. Dignaga. ?. *Hastavalaprakarana*. Paramartha (terj.). ?. *Chang Chun Lun*. (TSD1621)

Pemerolehan kami terhadap teks-teks berkenaan membantut penyelidikan seterusnya sebab kami tak mempunyai kepakaran mentelaah Bahasa Mandarin. Kerjasama antara institusi diperlukan untuk mengetahui dengan lebih mendalam apakah yang dirakamkan dalam teks-teks ini, sejarahnya dan kandungannya.

13. Teks Logik Hindu di Chenla-Kamboja

Beberapa buah batu bersurat yang diarahkan dipahat oleh Raja Yasovarman yang memerintah pada 810-840S/882-912M di Kamboja merakamkan bahawa tiga buah buku nyaya berikut ditelaah dikalangan sarjananya. Tajuk buku-buku berkenaan adalah, *Nyayasutra* karangan Gautama (dijangkakan ditulis sekitar kurun ke-2M) dan ulasan terhadapnya bertajuk *Nyayadarsana Bhasya* (tajuk lainnya *Nyayasutra Gautama*) dan *Nyayabhasya*) karangan Vatsyayana (dijangkakan ditulis sekitar kurun-3M). Satu lagi buku yang belum kami mendapat maklumat tentangnya adalah *Simhavalokitanyaya* karangan Pravesena. Mandrasena, Samghapala dan Paramartha tidak merakamkan apa-apa maklumat berkenaan ketiga-tiga buat buku ini, mungkin bersebabkan mereka bertiga berlainan fahaman dengan Gautama dan Vatsyayana.

Dalam kepustakaan nyaya di India, dua buah buku inilah yang mencetuskan perdebatan 1000 tahun diantara sarjana-sarjana nyaya Buddha dan nyaya Hindu. Kami telah meneliti versi moden dua buku ini. Banyaklah yang kami boleh bahaskan, namun kami hanyalah mahu menumpukan perhatian kepada 16 kaedah nyaya yang dimanfaatkan dalam dua karya ini, kerana 14 daripadanya memiliki istilah yang hampir sama maknanya dalam Bahasa Melayu (atau Dialek-Dialek Melayu). Ini boleh ditafsirkan sebagai Nyaya tersebar menyeluruh kebeberapa bahagian di Alam Melayu. Kami sebenarnya sudah berjaya mengumpulkan beberapa puluh kamus dialek Melayu (yang jumlahnya sekitar 1000+ dialek) bertujuan untuk menyemak bagaimanakah berkembangnya penyebaran istilah-istilah nyaya yang dinyatakan diatas, malah mungkin mampu menilai apakah dialek-dialek Bahasa Melayu memiliki perkataan sendiri yang setara. Sepertinya istilah “jatidiri” kepada kami adalah perkataan Sanskrit “jati” yang dicantumkan dengan perkataan Melayu “diri” bagi merujuk suatu benda yang sama.

14. Teks Logik Buddha di Sriwijaya

Jika dikembangkan ambilan dari senarai Jepun (TSD), makanya kami akan memperoleh juga teks-teks yang dikaitkan dengan I-Tsing yang melakukan penerjemahan Sanskrit/Kunlun-Mandarin di Palembang sekitar 700-714M. Beliau dibantu oleh 4 sarjana China yang lain. Dikalangan puluhan teks yang diterjemahkan oleh mereka berlima, teks-teks nyaya Dignaga adalah senahagian daripadanya. Berikut senarainya :

1. Dignaga. ?. *Hastavalaprakarana*. I-Tsing (terj.). 702/703. *Chang Chun Lun*. (TSD1621).
2. Dignaga. ?. *Upadayaprajnaptiprakarana*. I-Tsing (terj.). 703. Ch’u Yin Chia She Lun. (TSD1622)
3. Dignaga. ?. *Nyayamuka*. I-Tsing (terj.). 711. Yin Ming Cheng Li Men Lun. (TSD1629).
4. Dignaga. ?. *Samanyalaksanapariksa*. I-Tsing (terj.). 711. Kuan Tsun Hsiang Lun Sung. (TSD1623)

Bersebabkan tempat berlakunya proses penerjemahan oleh I-Tsing dan 4 rakannya tersebut adalah di Palembang, Sumatera, iaitu salah satu daripada pulau terpenting Tamadun Melayu, makanya amatlah penting ditunjukkan implikasi wujudnya teks-teks nyaya Dignaga di Sumatera. Berdasarkan analisis kami terhadap sebuah Batu Bersurat Bukit Gombak, 1273S/1356M, di Minangkabau, kami merumuskan bahawa dua istilah yang dipakai dalam batu bersurat berkenaan, istilah-istilah yang didakwa Raja Adityavarman mahir tentang ilmu disebaliknya, iaitu “pancasadabhijna” dan “pancamahasabda”, adalah juga istilah-istilah yang lumrah dipakai dalam teks nyaya Dignaga. Namun, jika diperhatikan tarikh terjemahan I-Tsing sekitar awal kurun ke-8M dan Batu Bersurat Bukit Gombak sekitar pertengahan kurun ke-14M, yang jaraknya 600+ tahun, sukar juga untuk disimpulkan demikian. Ini memandangkan beberapa bukti lain juga boleh mempengaruhi apa yang terpahat pada Batu Bersurat Bukit Gombak, seperti dibawah.

15. Teks Logik Buddha di Tanah Mon

Senarai 296 teks yang dipahat pada sebuah batu bersurat di Tanah Mon (kini Myanmar) bertarikh 804BE/1442M, mengandungi masukan berikut :

277. *Nyaya-bindu*

278. *Nyaya-bindu-tika*

279. *Hetu-bindu*

280. *Hetu-bindu-tika*

Dimaklumkan bahawa dua karya yang dinyatakan adalah karya utama nyaya Dharmakirti dan yang dua lagi itu ulasannya oleh Dharmottara. Dharmakirti adalah pengikut Dignaga dan merupakan sarjana nyaya Buddha yang kedua terpenting. Memandangkan Minangkabau dan Tanah Mon tidaklah dua geografi yang jauh sekitar kurun ke-13-15M, lalu apakah karya-karya Dharmakirti mempengaruhi Adityavarman ataupun sarjana-sarjana Minangkabau lainnya?

Rumusan

Kepada kami, kajian-kajian yang merungkai bagaimanakah aspek pemikiran dikuasai oleh sesebuah bangsa, samada mencernakannya sendiri atau meminjamnya atau mengubahsuainya, adalah suatu kajian yang amatlah penting. Berlebihan pentingnya apabila wujudnya interaksi antara dua atau lebih budaya yang berlainan, dan saling meminjam dan berkesefahaman, sekurang-kurangnya secara intelektual. Inilah yang kami mahu rungkai.